

17 APR 2002

Shafie-perajurit

PEMBABITAN BEKAS PERAJURIT DALAM PERNIAGAAN TIDAK MEMUASKAN

KUALA LUMPUR, 17 April (Bernama) -- Kementerian Pertahanan belum berpuas hati dengan bilangan bekas perajurit yang menceburi bidang perniagaan, terutama yang kemahiran mereka dalam bidang ketenteraan boleh dimanfaatkan, kata timbalan menteri, Datuk Mohd Shafie Apdal.

Beliau berkata pengalaman luas bekas perajurit dalam bidang ketenteraan seharusnya digunakan sepenuhnya oleh mereka sebagai peneraju utama dalam menggerakkan sesebuah syarikat.

"Bukan hanya sebagai ahli lembaga pengarah sesuatu syarikat, tapi kita mahukan supaya mereka menjadi pemilik dan pengusaha kepada syarikat tersebut," katanya pada sidang media selepas menerima sumbangan penaja Konvensyen dan Ekspo Perniagaan 2002 di Wisma Kementah di sini hari ini.

Shafie berkata kerajaan telah menyediakan banyak peluang bagi menarik bekas perajurit menceburi dan seterusnya berjaya bidang perniagaan sebagai sumbangan kerajaan untuk membalas jasa serta pengorbanan mereka dalam mempertahankan negara.

Beliau memberi contoh Pameran dan Persidangan Perkhidmatan Pertahanan Asia 2002 (DSA) di sini baru-baru ini tidak banyak membabitkan bekas perajurit negara walaupun mereka sebenarnya mempunyai keupayaan untuk berbuat demikian.

Shafie berkata satu daripada cara untuk bekas perajurit berjaya dalam perniagaan adalah dengan membabitkan diri dalam persatuan bekas perajurit untuk membina rangkaian rakan perniagaan yang mantap.

Timbalan Presiden Dewan Perniagaan Bekas Tentera Malaysia (DPBTM), Mejj Jen (B) Datuk Ahmad Ibrahim berkata bahawa pada masa ini terdapat hanya antara 600 dan 800 bekas perajurit menjadi anggota dewan perniagaan itu.

Negeri-negeri yang mempunyai cawangan dewan perniagaan itu setakat ini adalah Wilayah Persekutuan, Selangor, Terengganu, Kelantan, Kedah, Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Ahmad juga berkata Konvensyen dan Ekspo Perniagaan 2002 anjuran DPBTM dan Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM yang akan berlangsung dari 16 hingga 19 Mei ini di Pusat Dagangan Dunia Putra bertujuan mencari kaedah untuk menyalurkan segala maklumat tentang kemudahan dan peluang perniagaan yang ada.

Menurutnya majlis itu dijadual dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

AZH ZS MAI